

PM tegaskan tak dimaklum isu serbuan rumah Hamzah

Cyberjaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan isu pengeledahan ke atas rumah Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainuddin oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), adalah urusan agensi itu selaku badan penyiasat.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak dimaklumkan mengenai serbuan dan pengeledahan itu.

“Itu urusan LHDN, urusan badan penyiasat dan saya tidak dimaklumkan,” katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Raja Haji Fisabilillah, di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai serbuan dan pengeledahan pegawai LHDN ke atas kediaman Hamzah yang juga Ahli Parlimen Larut, di Damansara, Rabu lalu.

Difahamkan, serbuan jam 11 pagi itu dipercayai berkaitan isu cukai yang tidak dilaporkan dan menurut sumber, Hamzah berada di kediaman berkenaan ketika serbuan.

Terdahulu, sumber LHDN memberitahu *BH*, pihaknya buat masa ini tidak boleh mendedahkan apa juga maklumat berkaitan kes membabitkan cukai.



Anwar melambai tangan kepada orang ramai selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Raja Haji Fisabilillah, Cyberjaya, semalam.

(Foto Mohd Fadii Hamzah/BH)